

21 JUL 1999

DKH-STUDIO

DATUK KERAMAT SIAPKAN STUDIO MSC TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Datuk Keramat Holdings Bhd (DKH), syarikat utama yang menerajui pembangunan studio filem dan kompleks hiburan di Koridor Raya Multimedia (MSC), merancang hendak menyiapkan projek itu tahun depan.

Pembinaan studio filem dan televisyen RM60 juta itu dijangka bermula awal tahun depan dan akan dilaksanakan oleh anak syarikat DKH, DKH Bina Sdn Bhd, demikian dilaporkan oleh www.MSC Times.com hari ini.

Studio filem dan TV itu adalah di bawah fasa pertama pembangunan Kampung Hiburan. Empat lagi komponen utamanya adalah studio pelancongan, pusat hiburan dan taman tema, bandar perniagaan dan kediaman, dan pusat peranginan.

Pelantikan DKH sebagai peneraju projek itu dibuat di mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Kumpulan DKH mempunyai kepentingan dalam sektor media, hiburan, perbankan dan kewangan, dan perkhidmatan pengguna. -- BERNAMA

AA JR